



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

(SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

Diperbadankan di bawah Akta Parlimen No. 784, Tahun 1968 (Semakan 2016)/Law of Malaysia Act No. 784, 1968 (Review 2016)

Rujuk : PPM-2 Jld5 (027)/2022

Tarikh : 19 Mei 2022

Senarai Edaran seperti dalam lampiran

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

TAWARAN MENGHADIRI KURSUS PENARAFAN PENGAKAP RAJA PERINGKAT KEBANGSAAN 2022

Dengan segala hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) melalui Pasukan Latihan Negara (PLN), akan menganjurkan Kursus Penarafan Pengakap Raja Peringkat Kebangsaan seperti ketetapan berikut:

- Tarikh Kursus : **24 HINGGA 26 JUN 2022**
- Tarikh Pendaftaran : **24 JUN 2022 (JAM 2.30 HINGGA 3.30 PETANG)**
(Calon yang lewat mendaftar dari masa yang ditetapkan akan ditolak penyertaan)
- Tempat Kursus : **Institut Pendidikan Guru**
Kampus Tengku Ampuan Afzan
27200 Kuala Lipis, Pahang
- Yuran Penyertaan : **RM 200.00 (RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS SAHAJA)**
(merangkumi makan/minum, penginapan, keperluan kursus dan sijil penyertaan).

2. Sehubungan itu, YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon agar dapat mencalonkan 12 orang peserta (10 orang calon senarai utama dan 2 orang calon simpanan) daripada negeri YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan yang memegang sekurang-kurangnya 2 butir Manikayu untuk menghadiri kursus tersebut.

3. Bersama-sama ini dikepilkan Borang Pencalonan menghadiri Kursus tersebut dan perlu dikembalikan kepada Bahagian Latihan, Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia **sebelum 31 Mei 2022.** (*Pencalonan selepas tarikh akhir tidak akan dipertimbangkan*) serta keperluan peribadi peserta kursus.

4. Yuran penyertaan kursus ditanggung sendiri oleh calon atau PPM Negeri. Calon-calon dikehendaki membuat **bayaran pendahuluan penyertaan sebanyak RM100.00** (Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja) sebagai tanda persetujuan ingin menyertai kursus tersebut. Bayaran pendahuluan penyertaan tersebut tidak akan dikembalikan sekiranya calon menarik diri pada saat akhir atau calon tidak hadir kursus tersebut.

5. Bayaran Pendahuluan boleh didepositkan terus ke akaun MAYBANK atas nama Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia – No. Akaun 514039014506 dan salinan slip deposit perlu dihantar menerusi aplikasi *WhatsApp* kepada Encik Mohd Azri bin Ramli @ Hisham di talian 012-327 8411. (perlu dilulus dan disahkan oleh PPM Negeri)

Segala kerjasama daripada YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN”

Yang menjalankan amanah
Persekutuan Pengakap Malaysia,

AIZNIN SAIRI BIN SULAIMAN

Ketua Pegawai Operasi

b.p. Pesuruhjaya Latihan Negeri

- s.k : YBhg. Dato' Pemangku Ketua Pengakap Negara merangkap Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
- : YBhg. Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara yang menjalankan tugas Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
- : YBrs. Pesuruhjaya Latihan Negara
- : Ybrs. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor
- : YBrs. Setiausaha Eksekutif Kewangan
- : YBrs. Setiausaha Eksekutif Latihan
- : YBrs. Setiausaha Latihan Negara

LAMPIRAN 1

Rujuk : PPM-2 Jld5 (027)/2022

Tarikh : 19 Mei 2022

SENARAI EDARAN

1. **Tuan Haji Zulkafli bin Kamaruddin**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang
2. **Tuan Haji Ahmad Azam Shah bin Abd Majid**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perak
3. **Encik Hong Heng Chee**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri W.P. Labuan
4. **YBhg. Datuk Haji Zakran bin Abdul Manan**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri W.P. Kuala Lumpur
5. **Tuan Haji Noor Hashim bin Ismail**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor
6. **Encik Azmi bin Abdullah**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perlis
7. **Encik Zainal Ariff bin Mat**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kumpulan Latihan Malaysia
8. **YBrs. Kapt. Zainuddin bin Tan Sri Hamdan**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak
9. **Encik Bardin bin Uteh**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor
10. **Encik Zulkiflee bin Shariff**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kedah
11. **Encik Aziruddin bin Abdul Aziz**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sembilan
12. **Encik Amin-Nollah bin Lateh**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pahang
13. **YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Mustaffa bin Ibrahim**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia
14. **Encik Mohd Zulkifli bin Sulaiman**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kelantan
15. **Tuan Haji Ibrahim bin Md Noor**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Melaka
16. **Encik Shahrul Azwan bin Mohamad @ Endut**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Terengganu
17. **YBhg. Datuk Dr. Haji Awang Zaini bin Haji Suntim**
Menjalankan tugas Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sabah

KURSUS PENARAFAN PENARAF PENGAKAP RAJA
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2022

PERALATAN/ BAHAN KURSUS DAN KEPERLUAN YANG PERLU DIBAWA:

1. Pakaian Seragam Pengakap yang lengkap – (sekurang-kurangnya 2 Pasang)
2. Pakaian untuk riadah
3. Pakaian dan peralatan untuk solat bagi peserta Islam.
4. Pakaian dan peralatan untuk tidur.
5. Peralatan bersuci
6. Gayung dan baldi kecil
7. Baju hujan atau poncho
8. Tali *Nylon* untuk ikatan sepanjang 3 meter
9. Wisel, lampu suluh, lampu LED, lampu yang menggunakan kuasa bateri atau solar
10. Buku Catatan (BUKU LOG) dan Alat Tulis
11. Buku rujukan Pengakap
12. Ubatan sekiranya perlu
13. Tongkat sepanjang 5 kaki 2 inci

Senarai Nama Guru Pemimpin/Pegawai Pendidikan

Nama Penuh Guru :
No. Kad Pengenalan :
Umur :
Jawatan :
Jawatan Pengakap :
JPN/ PPD :
Nama dan Alamat Sekolah :

Perhatian!

*****Borang perlu dipenuhi setiap Guru Pemimpin / Pegawai Pendidikan dan dikembalikan ke Ibu Pejabat PPM bagi tujuan permohonan kelulusan dan pelepasan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia***
(Boleh diperbanyakkan)**